

Pengaruh Minat Menghafaz, Kecemerlangan Hafazan, Penghayatan Agama Dan Sahsiah Pelajar Tahfiz

Sharifah Noorhidayah Syed Aziz¹, Lissailin Baharudin²,
Khairul Anwar@Johari Mastor³, Ikmal Zaidi Hashim⁴

¹ Jabatan Tahfiz al-Quran & al-Qiraat, Universiti Islam Selangor,
43600 Bandar Seri Putra Kajang, Selangor

² Sekolah Menengah Agama Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan

³ Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia,
71800 Nilai, Negeri Sembilan

⁴ Jabatan Tahfiz al-Quran & al-Qiraat, Universiti Islam Selangor,
43600 Bandar Seri Putra Kajang, Selangor

Email: ¹sh.noorhidayah@uis.edu.my, ²lissailinbaharudin696@gmail.com,
³khairulanwar@usim.edu.my, ⁴ikmalzaidi@uis.edu.my

ABSTRACT

The increasing enrolment of students in the tahfiz education sector indicates that society regards this field as an important medium for character formation. However, issues related to students' character in tahfiz institutions have emerged, yet these issues have not been empirically examined. Based on previous studies, factors such as interest in memorisation, memorisation excellence, and religious appreciation have been investigated, but they have not been integrated within a single study. Therefore, this study aims to measure the levels of all variables, determine the model fit for character formation, analyse the relationships and influences of the variables on character, and examine religious appreciation as a mediating factor between memorisation excellence and the character formation of tahfiz students. A survey method was employed, with data collected through questionnaires developed based on Focus Group Discussions (FGD). The improved questionnaire was subsequently distributed to 905 tahfiz students in institutions under the Selangor Association of Tahfiz al-Quran Institutions (PITAS). Descriptive analysis was used to determine the mean scores of all variables. Exploratory Factor Analysis (EFA) and Confirmatory Factor Analysis (CFA) confirmed the existence of two sub-factors of religious appreciation—(i) makruf and (ii) munkar—and two sub-factors of character—(i) mahmudah and (ii) mazmumah. Meanwhile, Structural Equation Modelling (SEM-AMOS) was employed to test the study's hypotheses. Descriptive findings show the following mean scores: interest (mean = 3.65), memorisation excellence (mean = 3.47), religious appreciation (makruf sub-factor, mean = 3.59; munkar sub-factor, mean = 2.10), character (mahmudah sub-factor, mean = 3.80; mazmumah sub-factor, mean = 2.25). SEM analysis indicates that the character formation model achieved good fit indices (RMSEA = 0.06, GFI = 0.92, CFI = 0.93, and Chisq/df = 4.10). Religious appreciation was found to be a partial mediator in the relationship between memorisation excellence and character.

Overall, this study concludes that interest, memorisation excellence, and religious appreciation positively influence the character formation of tahfiz students. All these factors should be emphasised to enhance the quality of students' character in line with societal expectations.

Keywords: Interest in Memorisation, Memorisation Excellence, Religious Appreciation, Religiosity, Character, Tahfiz Students

ABSTRAK

Peningkatan kemasukan pelajar ke dalam bidang pendidikan tahfiz menunjukkan bahawa masyarakat meyakini bidang ini sebagai salah satu medium pembentukan sahsiah. Namun, berlaku masalah sahsiah dalam kalangan pelajar tahfiz yang belum dikaji secara empirikal. Berdasarkan sorotan kajian lepas, faktor minat menghafaz, kecemerlangan hafazan dan penghayatan agama telah dikaji tetapi tidak diintegrasikan dalam satu kajian. Justeru, kajian ini bertujuan mengukur tahap semua pemboleh ubah, menentukan kesepadanan model pembentukan sahsiah, menganalisis hubungan dan pengaruh pemboleh ubah terhadap sahsiah dan menganalisis penghayatan agama sebagai pengantara antara kecemerlangan hafazan dan pembentukan sahsiah pelajar tahfiz. Kaedah tinjauan digunakan dengan pengumpulan data melalui soal selidik yang dibina hasil dari Temubual Kumpulan Berfokus (FGD). Seterusnya soal-selidik yang ditambahbaik diedarkan kepada 905 orang pelajar tahfiz yang di maahad tahfiz di bawah Persatuan Institusi Tahfiz al-Quran Negeri Selangor (PITAS). Analisis deskriptif digunakan bagi menentukan skor min kesemua pemboleh ubah. Analisis EFA (Exploratory Factor Analysis) dan CFA (Confirmatory Factor Analysis) mengesahkan bahawa terdapat dua sub-faktor penghayatan agama iaitu (i) makruf (ii) mungkar dan dua sub-faktor sahsiah iaitu (i) mahmudah (ii) mazmumah. Manakala, analisis Structural Equation Modelling SEM-AMOS digunakan untuk menguji hipotesis kajian. Hasil analisis deskriptif menunjukkan minat (min=3.65), kecemerlangan hafazan (min=3.47), sub-faktor penghayatan agama makruf (min=3.59). Manakala sub-faktor penghayatan agama mungkar (min=2.10). Seterusnya sub-faktor sahsiah mahmudah (min=3.80 manakala sub-faktor sahsiah mazmumah (min=2.25). Analisis SEM pula menunjukkan model pembentukan sahsiah mencapai nilai kesepadanan yang baik iaitu (RMSEA=0.06, GFI=0.92, CFI=0.93 dan Chisq/df=4.10). Penghayatan agama dianalisis sebagai pengantara separa terhadap hubungan antara kecemerlangan hafazan dan sahsiah. Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati faktor minat, kecemerlangan hafazan dan penghayatan agama memberi pengaruh positif dalam pembentukan sahsiah pelajar tahfiz. Kesemua faktor ini perlu diberi penekanan bagi meningkatkan kualiti sahsiah pelajar tahfiz seperti yang diharapkan oleh masyarakat.

Kata Kunci: Minat Menghafaz, Kecemerlangan Hafazan, Penghayatan Agama, Sahsiyah, Pelajar Tahfiz

PENGENALAN

Pembentukan sahsiah adalah suatu proses pembentukan kualiti tingkah laku seseorang insan (Khairul Nizar 2012) yang perlu diberi perhatian (Hasbullah et al 2020; Asmawati Suhid 2007). Ia menjadi salah satu penanda aras sama ada seseorang insan itu mencapai tahap kualiti tingkah laku yang cemerlang atau sebaliknya. Pembentukan sahsiah sangat penting untuk diberi keutamaan kerana ia melibatkan kemajuan dalam bidang pendidikan (Zakaria Stapa et al 2012; Safura et al 2019). Dalam konteks pendidikan di Malaysia, kepentingan pembentukan sahsiah ditekankan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1998) yang memfokuskan untuk melahirkan insan yang berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan memberi sumbangan terhadap kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara. Dalam teras ketiga Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 yang telah dirangka oleh kerajaan juga menumpukan kepada pembangunan modal insan. Ini menunjukkan kerajaan mengambil berat bahawa melahirkan insan yang berkualiti dan mempunyai sahsiah yang cemerlang menjadi fokus utama dalam pendidikan. Bagi mencapai hasrat kerajaan dalam menghasilkan pelajar yang cemerlang dari sudut sahsiah, pendidikan tahfiz antara medium yang sesuai kerana pada dasarnya bidang pendidikan tahfiz bermatlamat mendidik insan ke arah kebaikan, mengenal pencipta yang maha esa, melahirkan insan yang baik, membawa kebaikan, melahirkan insan yang boleh menghafaz al-Quran dengan baik, memahami agama Islam yang merangkumi akidah, syariah dan akhlak, menjadikan al-Quran sebagai panduan dalam kehidupan serta melahirkan pelajar yang bersahsiyah mulia dan beriman (al-Qabisi 1955; Syed Muhammad Naquib al-attas 1997; al-Najihat 2002; Azmil et al 2010).

Bidang pendidikan tahfiz bukanlah satu bidang yang baru, akan tetapi kurang mendapat sambutan berbanding pendidikan lain di arus perdana pada peringkat awal kemunculannya. Ia telah bermula sejak tahun 1966 dengan tertubuhnya Kelas Pengajian Menghafaz al-Quran dan Ilmu Qiraat yang diletakkan di bawah Pengelolaan Jawatankuasa Tadbir Masjid Negara dan Urusetia Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Malaysia dengan penyertaan dari 8 orang pelajar sebagai perintis (Jamalil Ismail 2017).

Perkembangan bidang pendidikan tahfiz di peringkat Sekolah Menengah tercetus dengan penubuhan Sekolah Imtiaz di bawah kendalian Yayasan Islam Terengganu kemudiannya diambil alih oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Pihak Majlis Amanah Rakyat (MARA) turut mengambil inisiatif dengan melaksanakan Program Ulul Albab di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Ulul Albab (Fathiyah et al. 2018). Seterusnya, bidang ini semakin berkembang apabila program Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) ditubuhkan pada tahun 2014 di bawah program Kementerian Pelajaran Malaysia dengan pengambilan awal seramai 150 orang pelajar (Mohd Aderi 2017). Sejak tujuh tahun kebelakangan ini, bidang pendidikan tahfiz semakin mendapat sambutan yang menggalakkan (Nordin Ahmad 2015; Binyamin et al. 2015) dan jumlah pelajar tahfiz telah mencecah seramai 53,410 orang pelajar (Simpeni 2019).

PERMASALAHAN KAJIAN

Walaupun bidang pendidikan tahfiz menjadi tumpuan dalam usaha membentuk sahsiah dan terdapat peningkatan kemasukan pelajar-pelajar ke maahad tahfiz yang begitu memberangsangkan, namun masih terdapat peningkatan kes-kes kepincangan sahsiah² yang melibatkan pelajar tahfiz seperti peningkatan kes buli, merokok dan vandalisme yang telah berlaku di maahad-maahad tahfiz (Nor Kamariah 2013; Sinar Harian 2020). Isu ini berlarutan dan menimbulkan kebimbangan pelbagai pihak kerana ia menyentuh aspek sahsiah diri yang negatif dalam kalangan pelajar tahfiz.

Malangnya, kebanyakan perkara sebegini hanya terdapat di dada akhbar, namun masih kurang kajian secara empirikal dijalankan dan sewajarnya diberi perhatian serius (Sinar Harian 2020). Berdasarkan temubual awal, sebahagian dari pelajar tahfiz mengatakan bahawa mereka memasuki maahad tahfiz atas desakan ibu bapa dan bukan dengan minat sendiri. Selari dengan kajian Nor Kamariah (2013) yang mendapati pelajar memasuki maahad tahfiz bukan atas kehendak sendiri tetapi atas desakan ibu bapa. Kajian Hashimah et al. (2020) juga mendapati bahawa faktor kebanyakan pelajar yang memasuki institusi tahfiz ini disebabkan ingin memenuhi hasrat ibu bapa. Kajian Hashimah et al. (2020) juga mendapati hanya 35% pelajar memasuki maahad tahfiz dengan kehendak sendiri. Bukan itu sahaja, malah terdapat pelajar yang telah mempunyai rekod masalah kepincangan sahsiah sebelum dimasukkan ke maahad tahfiz (Temubual Kumpulan Berfokus 2018).

Oleh sebab itu, ibu bapa mengharapkan bahawa pihak institusi tahfiz dapat membantu ibu bapa dalam usaha membentuk dan memperbaiki sahsiah anak anak. Walaubagaimanapun, kemasukan ke institusi tahfiz bukanlah jaminan penuh sahsiah mereka terbentuk, bahkan ia merupakan satu cabaran yang besar bagi institusi tahfiz (M. Abdullah & Rosman 2013). Berdasarkan sorotan kajian lepas, terdapat kajian-kajian berkaitan minat terhadap hafazan al-Quran. Kajian Norlizah Che Hassan et al. (2017) mendapati motivasi pelajar tahfiz pada tahap yang rendah dan memerlukan sokongan ibu bapa, bimbingan guru dan kesungguhan pelajar itu sendiri untuk pelajar cemerlang dalam hafazan. Kajian (Hashimah et al. 2020) juga mendapati motivasi pelajar tahfiz berada pada tahap sederhana rendah dengan nilai skor min=2.78. Oleh itu, berdasarkan hasil kajian lepas dapat disimpulkan bahawa faktor motivasi memainkan peranan yang penting dalam menghafaz dan menjaga hafazan pelajar (Hasan et al. 2017; Hashimah et al. 2020).

Kajian mendapati. Pelajar perlu mempunyai motivasi yang tinggi untuk cemerlang dalam hafazan. Justeru, aspek minat terhadap hafazan perlu diberi perhatian kerana aspek ini mungkin memberi pengaruh yang besar dalam kecemerlangan hafazan dan secara tidak langsung dapat membentuk sahsiah pelajar. Oleh itu, timbul persoalan sejauh mana minat pelajar tahfiz terhadap hafazan mempengaruhi kecemerlangan hafazan dan sahsiah?

Selain faktor minat dalam hafazan, faktor kualiti hafazan pelajar tahfiz juga perlu diberi penekanan dalam pembentukan sahsiah (Mohd Nawawi & Mohd Nor 2020). Keseimbangan kualiti hafazan dan sahsiah merupakan satu titik tolak untuk mendefinisikan seseorang pelajar tahfiz itu cemerlang. Namun kajian lepas mendapati bahawa kualiti sahsiah pelajar tahfiz masih berada pada tahap yang kurang memuaskan disebabkan kebanyakan maahad-maahad tahfiz lebih menekankan kepada kecemerlangan akademik (Abdul Hafiz et al 2010; Nur Hanisah 2021), kelancaran dalam hafazan, jumlah muka surat

yang dihafaz setiap hari sebagai satu indikator pelajar tersebut cemerlang berbanding menumpukan kepada tingkah laku dan perbuatan baik pelajar yang membentuk sahsiah yang mulia (Fathiyah et al 2020).

PEMBENTUKAN SAHSIAH PELAJAR TAHFIZ

Pelajar tahfiz merupakan aset negara dan generasi yang bakal menjadi pewaris kepimpinan negara dan agama (Hasbullah Mat Daud et al. 2020). Kualiti seorang pelajar tahfiz bukan setakat dinilai pada kecemerlangan akademik dan hafazan, malah kecemerlangan sahsiah juga perlu diberi perhatian (Abdul Hafiz Abdullah et al. 2005). Sungguhpun begitu, pendidikan agama di peringkat sekolah lebih menfokuskan untuk menghabiskan sukatan pelajaran sehingga pembelajaran dilakukan dengan pantas tanpa penghayatan nilai (Nur Hanisah 2021).

Dalam konteks pendidikan tahfiz, pelajar tahfiz yang cemerlang sahsiah itu diukur berdasarkan tingkahlaku baik yang dilakukan oleh pelajar tahfiz (Abdul Hafiz et al. 2010). Awang dan Maimun (2017) juga mendapati bahawa keseimbangan diri pelajar yang merujuk kepada kombinasi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sahsiah hanya akan dapat dicapai apabila pelajar menghayati dan memahami setiap amalan kerohanian yang mereka amalkan. Namun, tidak dinafikan berlaku kepincangan sahsiah di kalangan pelajar tahfiz (Nor Kamariah 2013). Hal ini kerana pelajar tahfiz juga sedang menempuh alam remaja yang melalui perubahan tingkah laku. Remaja dalam fasa mencari identiti mengikut acuan dan pengaruh rakan sebaya. Fasa pembentukan agama dalam diri mereka adalah untuk mengawal diri daripada perkara negatif, melakukan perkara positif, mencegah kemungkaran, dan menjaga hubungan baik sesama manusia.

Dalam membentuk sahsiah yang mulia, mereka memerlukan bimbingan yang mantap dan berterusan oleh pelbagai pihak terutama ibu bapa dan guru-guru bagi memastikan potensi diri mereka dapat digilap dan dimanfaatkan untuk negara dan ummah (Siti Fatimah 2018; Nur Hanisah 2021). Remaja perlu dibimbing dengan pengetahuan agama terutama dari aspek akidah dan ibadah agar mereka jelas tentang tujuan utama hidup sebagai khalifah di muka bumi ini. Hal ini kerana pendidikan agama bermula dengan pembentukan akidah dan tauhid dalam diri (Badriyah 2018; Siti Fatimah 2018).

Dalam pembentukan sahsiah pelajar tahfiz, pelbagai aspek perlu diambilkira iaitu meliputi aspek pemantapan iman, kecerdasan intelektual dan psikologikal, serta kemahiran sosial dan interpersonal (Abdul Latif et. al 2011). Proses pembentukan sahsiah pelajar tahfiz adalah untuk membina keperibadian diri yang mantap selari dengan tuntutan agama iaitu dari segi akidah, ibadah dan akhlak (al-Ghazali 2003). Pembentukan sahsiah pelajar tahfiz bermula dari proses didikan daripada institusi kekeluargaan, pendidikan secara formal dan persekitaran yang dilalui (Hasbullah Mat Daud et al. 2020). Berdasarkan semakan kajian terdahulu mendapati bahawa pelajar mudah terdedah kepada perkara yang negatif. Antara faktor yang mempengaruhi kepincangan sahsiah dalam kalangan pelajar ialah kurang pendidikan agama, sikap malas dan tidak minat belajar, pengaruh rakan sebaya, pengaruh media massa dan kurangnya komunikasi yang baik dengan ibu dan bapa (Nur Hanisah 2021; Hasbullah Mat Daud et al. 2020; Ismail & Mansor 2021; Khairun Nizar 2012; Buerah et al. 2015; Mohd Nuri et al. 2016).

FAKTOR PENINGKATAN KEMASUKAN PELAJAR DALAM BIDANG TAHFIZ

Peningkatan kemasukan pelajar yang maahad-maahad tahfiz disebabkan oleh tiga faktor. Pertama, timbul kesedaran terhadap kepentingan hafazan al-Quran dalam meningkatkan kecemerlangan hafazan anak-anak (Ismarulyusda et al. 2016; Nor Hisham Mat Nawi et al 2014; Murihah et al. 2015; Mohd Aderi 2017). Ibu bapa bertanggungjawab mendidik dan membesarkan anak-anak dengan matlamat menyediakan mereka dengan pendidikan kerohanian dan intelektual. Sememangnya tugas ibu bapa perlu memberikan pendidikan agar anak terbentuk jiwa yang baik (Ramayulis 2001). Ibu bapa semakin sedar bahawa bukan pendidikan akademik sahaja penting untuk anak-anak, malah pendidikan hafazan juga penting untuk anak-anak. Persekitaran dan bentuk pendidikan yang diterima oleh anak-anak secara langsung atau tidak langsung memberi pengaruh yang besar kepada pembentukan tingkah laku dan keperibadian seseorang anak (Fauziah Hanim et al. 2009).

Faktor kedua adalah bidang pendidikan tahfiz lebih memberi penumpuan terhadap pembentukan sahsiah. Kajian lepas mendapati bidang pendidikan tahfiz mengutamakan pembentukan sahsiah menerusi aktiviti dan amalan-amalan kerohanian yang telah diamalkan di maahad tahfiz (Ibrahim Hashim 2017; Safura et al. 2019). Di maahad tahfiz, pelajar tahfiz dididik sejak awal dengan al-Quran dan ilmu agama serta dibentuk guru dan adab sebagai seorang Islam. Pelajar tahfiz juga didedahkan dengan 49 ilmu naqli dan ilmu aqli dengan harapan lahirnya seorang insan yang soleh, lebih menghayati agama dan mempunyai nilai sahsiah yang baik (M. Abdullah et al. 2015).

Faktor ketiga ialah kebimbangan ibu bapa terhadap sistem pendidikan arus perdana yang lebih mengutamakan kecemerlangan akademik. Kajian Intan Zakiah Jamaluddin (2018) mendapati ibu bapa turut bimbang dengan sistem pendidikan vokasional yang kurang dari sudut pembentukan sahsiah. Ini dapat dilihat apabila berlaku peningkatan masalah disiplin dan moral yang ketara di sekolah-sekolah harian (Intan Zakiah 2018; Norsiah Abd Wahab 2014). Nur Hanisah (2021) dalam kajiannya mendapati bidang pendidikan agama di peringkat sekolah juga lebih memfokuskan untuk menghabiskan sukatan pelajaran tetapi kurang mengambil berat tentang penghayatan nilai. Oleh itu, usaha-usaha bagi membentuk sahsiah pelajar dalam bidang agama terutamanya pelajar tahfiz perlu diberi penekanan.

PEMBENTUKAN SAHSIAH PELAJAR MELALUI PENGHAYATAN AMALAN IBADAH DAN AKHLAK

Penghayatan agama pelajar dapat ditingkatkan melalui amalan ibadah dan seterusnya dizahirkan dalam bentuk tingkah laku (akhlak). Ibadah merupakan kemuncak daripada rasa ketundukan dan kepatuhan serta merasakan kebesaran Allah SWT sebagai tumpuan pengabdian diri (Fathi Yakan 2013). Amalan ibadah bukan sahaja berperanan dalam meningkatkan keimanan sahaja, malah membantu mengatasi masalah berkaitan dengan kerohanian. Amalan-amalan ibadah yang diperintahkan adalah bertujuan untuk menjernihkan rohani, mendidik jiwa, menguatkan jasmani, dan mencerdaskan akal. Ia juga mampu mewujudkan hubungan yang berterusan antara manusia dan tuhan penciptanya sepanjang masa (Muhammadiyah 1982; al-Qardawi 1975; Mohd Sabri et al. 2009). Kajian Ruzieha Abd Halim (2017) yang mendapati bahawa penghayatan nilai ibadah dan akhlak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pembentukan sahsiah.

Antara langkah membentuk sahsiah adalah dengan memantapkan keimanan menerusi peningkatan ibadah dan mengaplikasikan akhlak mahmudah dalam kehidupan. Ibadah boleh dipertingkatkan dengan amalan solat, puasa, tilawah al-Quran, berzikir, berdoa dan qiamulail. Amalan ibadah yang dilakukan ini secara tidak langsung menghubungkan ikatan seorang hamba dan penciptanya (al-Ghazali 2000). Mohd Hefzan dan Muhammad Nubli (2020) dan Mohd Sabri et al. (2009) pula mendapati amalan-amalan 76 ibadah seperti zikir doa, membaca al-Quran, dan solat juga mampu meningkatkan motivasi sendiri. Kajian Noor Hafizah et al. (2019) juga mendapati elemen-elemen kerohanian yang diterapkan melalui program-program kerohanian seperti puasa, wirid, ratib, amalan membaca al-Quran, dan solat dan program-program ini membantu dalam membentuk sahsiah. Selain itu, Aisyah Kamarudin (2018) mendapati pelbagai program yang telah disusun seperti solat berjemaah, solat-solat sunat, berzikir selepas solat, membaca al-Quran. Program-program seperti ceramah, forum atau diskusi juga boleh diadakan secara berkala untuk memberi peringatan dan kesedaran kepada peserta.

Dapatan kajian Hasna Bidin (2015); Nurfaridah (2016); Zainora Daud et al. (2016) mendapati tahap pengetahuan dan penghayatan yang berkaitan ibadah berada pada tahap yang tinggi namun kurang pada pengamalan dan pengaplikasiannya. Oleh itu, penghayatan dan pelaksanaan ibadah memerlukan sokongan dan penglibatan daripada guru-guru dan ibu bapa. Penglibatan tersebut adalah untuk menggalakkan pelajar konsisten melakukan ibadah dan membuatkan pelajar rasa disayangi dan diberi perhatian. Pada awalnya, kemungkinan ibadah yang dilakukan tersebut, dilakukan secara terpaksa, namun apabila pelajar mempunyai penghayatan yang tinggi dan sering dilakukan, ibadah tersebut telah menjadi sebatian dalam diri pelajar (Salasiah Hanim 2018).

Menurut al-Ghazali (2000), pelaksanaan ibadah solat perlu dilakukan dengan berkualiti untuk mendapat ketenangan dan membersihkan hati. Ibadah yang berkualiti menurut al-Ghazali (2000) adalah perlu

melengkapi ciri-ciri iaitu penumpuan (al-himmah), pemahaman (al-tafahum), pengagungan (al-taczim), kehebatan (al-haybah), pengharapan (al-raja'), dan malu (al-haya'). Seterusnya amalan ibadah puasa pula dapat melatih jiwa dan menjauhkan diri dari melakukan maksiat mata, lidah, telinga seperti mengumpat, mencaci, memaki, menipu dan sebagainya (al-Ghazali 2000). Ibadah puasa yang diamalkan juga dapat memberi laluan untuk lebih taqarrub (mendekati) Allah. Selain itu, ibadah membaca al-Quran dapat memberi ketenangan dan merungkai kesukaran. Memperbanyakkan zikir dan membaca al-Quran juga antara amalan ibadah yang dianjurkan. Membaca al-Quran dengan menjaga tajwid, memahami, menghayati, mengambil pengajaran dan mengaplikasi dalam kehidupan (al-Ghazali 2000).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan berdasarkan pendekatan penyelidikan berbentuk kajian kuantitatif yang menggunakan reka bentuk kajian tinjauan (survey design). Kajian tinjauan yang digunakan dalam kajian ini dipilih atas tiga sebab iaitu kajian tinjauan adalah kajian berkenaan sikap, pandangan, pendapat, kepercayaan, dan tingkahlaku (Cresswell 2005; Chua 2006; Ary et al 2006). Oleh itu, kajian tinjauan adalah bersesuaian dengan kajian ini yang mana ia bertujuan untuk mengukur tahap minat menghafaz, kecemerlangan hafazan, penghayatan agama dan sahsiah. Pemboleh ubah minat menghafaz, kecemerlangan hafazan, penghayatan agama dan sahsiah yang diukur dalam kajian ini boleh dikategorikan dalam kategori sikap, pendapat, kepercayaan dan tingkah laku. Kajian tinjauan melibatkan maklumat yang terus iaitu pengumpulan maklumat secara terus atau langsung daripada responden (Chua 2006). Ini bertepatan dengan kaedah pengumpulan data secara langsung daripada responden yang terdiri daripada pelajar tahfiz. Kajian tinjauan biasanya memerlukan pengkaji bertemu dengan peserta kajian bagi meminta mereka menjawab soalan soal selidik. Pemilihan subjek kajian adalah bergantung kepada kaedah pensampelan yang dilakukan oleh penyelidik (Mohd Awang Idris 2018). Dalam kajian ini, pengkaji telah bertemu dengan pelajar tahfiz di maahad-maahad tahfiz yang telah bersetuju untuk memberi kerjasama dalam kajian ini.

Kajian ini hanya dijalankan ke atas pelajar-pelajar aliran tahfiz yang berumur antara 13 tahun dan ke atas yang sudah setahun atau lebih berada di maahad tahfiz di bawah naungan PITAS seluruh negeri Selangor. Kriteria utama pemilihan sampel kajian adalah pelajar tahfiz telah memulakan fasa menghafaz al-Quran sekurang-kurangnya satu tahun. Di samping itu, tahap umur pelajar juga diambil kira di mana sekurang-kurangnya pelajar berumur 13 tahun adalah dianggap sudah mencapai tahap kematangan untuk menilai diri sama ada menjadi baik atau sebaliknya (MyHealth 2021; Anuar 2001).

Teknik pensampelan dan penentuan saiz sampel dilakukan setelah populasi ditetapkan. Kajian ini menggunakan kaedah pensampelan rawak berstrata (stratified sampling) kerana populasi kajian yang tidak seragam dari segi jantina, umur pelajar, jumlah tahun berada di maahad, jumlah juzuk al-Quran yang telah dihafaz, lokasi maahad dan sebagainya.

Kajian yang dijalankan ini turut menggunakan perisian AMOS melalui Structural Equation Modelling (SEM) bagi tujuan analisis data. pengkaji telah memperoleh sebanyak 905 orang responden bagi kajian ini atas kesediaan pihak maahad tahfiz dan pihak responden itu sendiri.

Data terkumpul yang diperoleh daripada soal selidik yang dijawab oleh responden kajian akan dianalisis secara berperingkat. Data tersebut dikumpulkan dan proses pengkodan dilakukan bagi memudahkan aktiviti kemasukan data, ke dalam perisian SPSS versi 21. Seterusnya, penyediaan data dilakukan bagi mendapatkan kesepadanan data melalui Analisis Pengesahan Faktor (CFA) dan model pengukuran.

DAPATAN KAJIAN

Analisis pengaruh langsung minat menghafaz terhadap kecemerlangan hafazan, penghayatan agama dan sahsiah pelajar tahfiz

Pengujian hipotesis merujuk kepada hasil analisis model struktural spesifikasi semula mendapati nilai koefisien penentuan r^2 ialah 0.13. Angka ini menunjukkan sumbangan minat menghafaz terhadap

penghayatan agama adalah sebanyak (13%). Kemudian minat menghafaz juga didapati memberi pengaruh langsung terhadap pembentukan sahsiah pula. Hasil dapatan yang merujuk kepada analisis model struktural spesifikasi semula mendapati nilai koefisien penentuan r^2 ialah 0.11. Angka ini menunjukkan sumbangan minat menghafaz terhadap pembentukan sahsiah adalah sebanyak (11%). Seterusnya, berdasarkan analisis dari model struktural spesifikasi semula juga mendapati bahawa minat memberi pengaruh langsung terhadap kecemerlangan hafazan dengan nilai koefisien r^2 ialah 0.46 (46%). Kesimpulannya, hasil dapatan ini menunjukkan minat memberi pengaruh langsung terhadap kecemerlangan hafazan, penghayatan agama dan sahsiah sekaligus menunjukkan keputusan hipotesis ini diterima.

Keputusan Analisis Pengaruh Langsung Minat Menghafaz Terhadap Kecemerlangan Hafazan, Penghayatan Agama dan Sahsiyah

		Estimate (B)	P	Keputusan
Penghayatan Agama	Minat	.13	***	Diterima
Sahsiyah	Minat	.11	***	Diterima
Kecemerlangan Hafazan	Minat	.46	***	Diterima

*** $p < 0.001$

Berdasarkan hasil dapatan, minat menghafaz memberi pengaruh yang lebih kuat terhadap kecemerlangan hafazan (46%) berbanding penghayatan agama (11%) dan sahsiah (13%). Ini menunjukkan, minat menghafaz perlu dipupuk agar pelajar tahfiz berasa seronok menghafaz dan dapat memberi komitmen dan kesungguhan yang tinggi terhadap hafazan. Kesan dari memberi komitmen tersebut, pelajar tahfiz lebih menghayati al-Quran dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian. Secara tidak langsung, pelajar tahfiz menzahirkan penghayatan al-Quran mereka dalam bentuk tingkah laku yang baik. Dapatan ini selari dengan kajian Muhammad Shafiq dan Noraini (2018) yang mendapati minat menghafaz merupakan faktor yang mempengaruhi kecemerlangan hafazan. Kajian Anuar (2016), mendapati pelajar yang kurang minat dan kesungguhan terhadap hafazan menyebabkan pelajar tidak fokus dan lebih cenderung menghabiskan masa dengan perkara selain al-Quran seperti bermain “games” dan melayari internet. Oleh itu, minat menghafaz merupakan faktor yang perlu dititikberatkan dalam melahirkan pelajar tahfiz yang lebih berkualiti.

Analisis pengaruh langsung kecemerlangan hafazan terhadap penghayatan agama dan sahsiah pelajar tahfiz

Keputusan Analisis Pengaruh Langsung Kecemerlangan Hafazan Terhadap Penghayatan Agama dan Sahsiyah Pelajar Tahfiz

		Estimate (B)	P	Keputusan
Penghayatan Agama	Kecemerlangan Hafazan	.48	***	Diterima
Sahsiyah	Kecemerlangan Hafazan	.13	***	Diterima

*** $p < 0.001$

Hasil dapatan menunjukkan bahawa kecemerlangan hafazan memberi pengaruh yang lebih kuat terhadap penghayatan agama berbanding dengan sahsiah. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa pelajar tahfiz yang mempunyai minat menghafaz yang tinggi berpotensi untuk mencapai kecemerlangan dalam hafazan al-Quran. Kesan dari minat yang mendalam, pelajar tahfiz lebih menghayati dan memahami ayat-ayat yang dihafaz dan lebih cenderung untuk melakukan amalan ibadah dan amalan berbentuk kerohanian. Selari dengan pandangan al-Qabisi (1955) yang menekankan dua aspek utama dalam menghafaz iaitu pelajar perlu mencintai al-Quran (al-Mayl) dan berusaha memahami al-Quran (al-fahm). Kajian (Safura et al. 2019) mendapati penghayatan agama pelajar dapat ditingkatkan melalui

amalan ibadah. Penghayatan agama pelajar tahfiz yang tinggi dapat mempengaruhi sahsiah pelajar agar lebih cemerlang.

Hasil dapatan mendapati bahawa faktor minat menghafaz, kecemerlangan hafazan dan penghayatan agama memberi pengaruh terhadap sahsiah pelajar tahfiz. Antara ketiga-tiga faktor tersebut mendapati bahawa penghayatan agama memberi pengaruh yang kuat terhadap sahsiah pelajar tahfiz berbanding minat menghafaz dan kecemerlangan hafazan. Oleh itu, dalam menghasilkan pelajar tahfiz yang berkualiti, penghayatan agama perlu diberi penekanan sewajarnya melalui bimbingan dari ibu bapa dan guru-guru. Pelajar tahfiz perlu diberi kesedaran tentang matlamat dan hala tuju menghafaz al-Quran. Pelajar tahfiz juga perlu disedarkan dengan harapan ibu bapa, guru-guru dan negara bahawa mereka merupakan contoh kepada remaja lain.

Analisis hubungan antara minat menghafaz, dorongan, kecemerlangan hafazan, penghayatan agama dan pembentukan sahsiah pelajar tahfiz

Analisis ini telah dimulakan dengan mengukuhkan model pengukuran bagi memastikan kesahan konstruk berasaskan teori sebagaimana yang dibincangkan dalam bab sebelumnya. Model pengukuran bertujuan untuk menerangkan bagaimana setiap faktor berhubung secara serentak dalam satu model atau path diagram (Wang & Wang 2012). Kesepadanan model pengukuran dengan data kajian penting kerana ia menunjukkan kebolehpercayaan model persamaan berstruktur. Ketidakesepadanan model pengukuran akan menyebabkan model struktural tidak sah (Piaw 2014). Oleh itu, model pengukuran dalam kajian ini dibina melalui analisis SEM dapat menunjukkan hubungan antara pemboleh ubah dalam kajian. Model pengukuran telah diterangkan dalam analisis sebelumnya dan keputusan menunjukkan model pengukuran bersesuaian dengan data iaitu $\chi^2/df= 4.27$, GFI=0.92, CFI=0.93, RMSEA= 0.06. Keputusan analisis model pengukuran menunjukkan hubungan antara pemboleh ubah adalah signifikan.

Nilai Bagi Setiap Pemboleh Ubah Dalam Kajian

			Estimate (B)	S.E	C.R	P
Minat	<-->	Kecemerlangan Hafaza	.52	.027	9.952	***
Kecemerlangan Hafazan	<-->	Penghayatan Agama	.58	.015	7.147	***
sahsiah	<-->	Penghayatan Agama	.73	.032	12.197	***

***= p<0.00

Berdasarkan hasil dapatan dalam jadual, kesemua pemboleh ubah menunjukkan hubungan yang signifikan. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa minat menghafaz, kecemerlangan hafazan dan penghayatan agama merupakan faktor penyumbang terhadap pembentukan sahsiah. Hubungan antara sahsiah dan penghayatan agama menunjukkan hubungan yang paling kuat iaitu 0.73 (73%). Ini menunjukkan bahawa penghayatan agama memberi pengaruh yang paling kuat terhadap sahsiah berbanding kecemerlangan hafazan dan minat menghafaz.

Namun, ketiga-tiga faktor ini perlu diberi perhatian sewajarnya dan tidak boleh di pandang remeh. Bagi melahirkan pelajar tahfiz yang berkualiti, keseimbangan dari sudut kecemerlangan sahsiah dan hafazan perlu dititikberatkan. Walaupun pelajar tahfiz cemerlang dari sudut hafazan tetapi mempunyai masalah dari sudut sahsiah, ia tidak menggambarkan bahawa seseorang pelajar itu cemerlang. Selari dengan kajian Abdul Hafiz Abdullah et al. (2010) yang mendapati bahawa kecemerlangan pelajar perlu diukur dengan sahsiah. Kajian Hasbullah Mat Daud et al. (2020) pula mendapati punca kepincangan sahsiah berlaku disebabkan kurang penghayatan agama.

Oleh itu, pelajar tahfiz perlu ditanam sifat kesedaran dan penghayatan agama yang tinggi agar segala percakapan, perbuatan tidak tersasar dari landasan agama (Saharia 2015). Hubungan antara kecemerlangan hafazan dengan penghayatan agama pelajar tahfiz pula menunjukkan terdapat hubungan

yang signifikan iaitu 0.58 (58%). Dalam konteks pendidikan tahfiz, pelajar tahfiz perlu menghayati dan memahami ayat-ayat yang dihafaz. Dengan memahami makna ayat yang dihafaz, pelajar lebih menghayati isi kandungan al-Quran tersebut (Azman et al. 2018; Rohana et al. 2017).

Hubungan antara minat dengan kecemerlangan hafazan menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan iaitu 0.52%. Ini bermakna, dalam menghafaz al-Quran pelajar perlu dipupuk dengan minat menghafaz. Pelajar yang mempunyai minat menghafaz yang tinggi, mereka mampu memperoleh kecemerlangan dalam hafazan. Oleh itu, keputusan yang ditunjukkan ini menunjukkan hipotesis ini disokong. Seterusnya, hasil dapatan kajian mendapati minat mempunyai hubungan signifikan yang positif dengan dorongan. Jadual menunjukkan hubungan minat menghafaz dengan dorongan mencapai hubungan yang tinggi 0.73 (73%).

Ini menunjukkan bahawa minat menghafaz perlu didorong dan dipupuk agar pelajar tahfiz. Bagi meningkatkan minat menghafaz, ia memerlukan dorongan yang kuat dari ibu bapa dan keluarga. Menghafaz al-Quran memerlukan kesungguhan dan komitmen yang tinggi dari pelajar tahfiz. Oleh itu dalam menanam minat menghafaz yang mendalam ibu bapa perlu memainkan peranan utama. Ibu bapa tidak boleh menghantar anak ke maahad tahfiz dengan mengharapkan pihak maahad akan berusaha untuk mendorong anak dalam bidang hafazan. Malah, penglibatan ibu bapa juga sangat diperlukan sebelum anak masuk ke maahad tahfiz lagi agar anak lebih bersedia dan minat menghafaz al-Quran (Ismail dan Mansor 2021; Annasai Jamar et al.2020).

KESIMPULAN

Kajian ini telah membuktikan bahawa penghayatan agama memberi pengaruh yang tinggi terhadap pembentukan sahsiah pelajar. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa dengan kecemerlangan hafazan sahaja tidak cukup untuk membentuk sahsiah pelajar tahfiz. Penghayatan agama yang tinggi perlu diterapkan dalam diri pelajar tahfiz melalui amalan-amalan ibadah sunat yang dapat menyucikan jiwa (tazkiyah al-nafs).

Penghayatan agama yang tinggi wujud dalam diri pelajar tahfiz dapat dilihat melalui tingkah laku yang baik dan mereka dapat melakukan amalan ibadah tanpa disuruh atau dipaksa oleh guru-guru dan ibu bapa. Hasil dapatan juga mendapati bahawa minat menghafaz, kecemerlangan hafazan dan penghayatan agama mempunyai hubungan signifikan yang positif antara satu sama lain. Ini menunjukkan bahawa ketiga-tiga faktor ini perlu diberi penekanan dalam membentuk sahsiah pelajar tahfiz. Minat menghafaz yang wujud dalam diri pelajar tahfiz sebelum memasuki maahad tahfiz dan perlu sentiasa dipupuk agar mereka memperoleh kecemerlangan dalam hafazan. Ibu bapa juga memberi sokongan padu dan bekerjasama dengan pihak maahad tahfiz dalam memupuk minat menghafaz agar mereka terus cemerlang dalam hafazan dan sahsiah.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penulisan kajian ini.

RUJUKAN

- Abdul Hafiz Abdullah & Nur Safazilah Maksom. 2018. Sistem pengajaran dan pembelajaran Madrasah Tahfiz Al-Quran Darul Ta'alim Kg Tengah, Kluang. Dlm. Mohd Zulkifli Mohd Yakub Mohd Yussof & Nordin Ahmad (pnyt.). *Memperkasa Generasi Penghafaz Al-Quran*. Kuala Kubu Bharu: Darul Quran.
- Abdul Hafiz Abdullah, Hussin Salamon, Azmi Shah Suratman, Sulaiman Shakib Mohd Noor, Kamarul. Azmi Jasmi & Abdul Basit Samat @ Darawi. 2005. Sistem pembelajaran dan kaedah hafazan al-Qur'an yang efektif: Satu kajian di Kuala Lumpur dan Terengganu. Laporan penyelidikan, Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad. 2013. *Ihya' cUlum al-Din*. Jil. 2. Cet. 6. al-Qahirah: Dar al-Salam.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad. 2015. *Akhlak Seorang Muslim*. Terj. Abu Laila & Mohd Tahir. Kuala Lumpur: Victory Agencies.

- Annasaii Jamar, Fatin Nazmin Mansor & Mohd Aderi Che Noh. 2020. Penghayatan pelajar terhadap nilai Islam dalam kalangan pelajar Malaysian Aviation Training Academy (MATA), Kuantan. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education* 4(1): 48–58. Azman et al. 2018.
- Anuar Ahmad & Norhaidawati Mohd. 2016. Persekitaran keluarga dan kesannya terhadap pendidikan anak-anak jalanan di Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur. *Kertas kerja penyelidikan yang dijalankan*. 10.13140/RG.2.2.15130.75202 [26 Jun 2018]. Academia.edu.
- Ary, D. Jacobs. L.C. & Sorensen.C. 2010. *Introduction to Research in Education*. Ed. Ke-8. California: Wadsworth.
- Chua, Yan Piaw, 2006. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. Malaysia: Mc. Graw Hill Sdn Bhd.
- Creswell, J.W. 2009. *Research Design: Qualitative, Quantitative an Mixed Methods Approches*. Ed. ke-3. San Francisco: Sage.
- Creswell. J.W. 2013. *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. Thousand Oaks: Sage Publications.
- Hair, J.F., Anderson, R.E., Tatham, R.L. & Black, W.C. 2010. *Multivariate Data Analysis*. Ed. ke-4. New Jersey: Prentice Hall.
- Hasbullah Mat Daud, Ahmad Yussuf & Fakhru Adabi Abdul Kadir. 2020. Pembentukan akhlak dan sahsiah pelajar melalui pembelajaran sosial menurut perspektif Islam. *Journal of Social Sciences and Humanities* 17(9): 75–89.
- Ismail, A. & Mansor, S.N. 2021. Teknik komunikasi ibu dalam pembentukan sahsiah anak-anak menurut Islam. *Bitara: International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4(3): 131–144.
- Khairun Nizar. 2012. Pola sahsiah remaja dalam kalangan pelajar islam di sekolah menengah Daerah Johor Bahru. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknikal Malaysia.
- Myhealth. Portal Rasmi Kementerian Kesihatan <http://www.myhealth.gov.my/kemahiran-keibubapaan-anak-remaja/>
- Rohana, Z., Hayati, H. & Zainora, D. 2017. Amalan tadabbur al-Quran ke arah pemeraksanaan jati diri dan pemantapan rohani. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3 (IRSYAD2017)*, hlm. 810–818.
- Safura, A. S., Nurauliani, J. R. & Nur Hafizah, M. 2019. Pembentukan sahsiah mahasiswa melalui penghayatan program kerohanian di institusi pengajian tinggi Islam. *South East Asia Journal of Contemporary Business, Economics and Law* 20(6): 17–23.
- Stapa, Z., Ismail, A. M. & Suhaimi, S. A. 2012. Islam dan pembentukan jati diri bangsa Melayu. *Jurnal Hadhari Special Edition*: 143–154.
- Safura Ahmad Sabri, Hazlin Falina Rosli, Nurzakira Afnee Zakaria, Ahmad Fatin Mohamad Suhaimi & Mohammad Aizham Mohammad Kassim. 2016. Peranan program mentoring dalam pembentukan sahsiah pelajar. *Proceeding of the 3rd International Conference on Management & Muamalah 2016 (3rd ICoMM) 2016(November)*, hlm. 356–365.
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail & Noranizah Yusuf. 2012. Faktor persekitaran sosial dan hubungannya dengan pembentukan jati diri. *Jurnal Hadhari: An International Journal Special Edition*: 155-172 Zakaria Stapa. 2002. Akhlak Islam dan gaya hidup Muslim semasa: Analisis konsep dan agenda bertindak. *Jurnal YADIM Jun*: 51-65.